



**MINIT MESYUARAT  
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN BILANGAN 1 TAHUN 2025**

**Tarikh : 24 Februari 2025 (Isnin)**  
**Masa : 9.30 pagi**  
**Tempat : Bilik Gerakan, Aras 15  
Menara KBS**  
**Pengerusi : YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan**  
**Kehadiran : Seperti di Lampiran A**

**1. PERUTUSAN Pengerusi**

- 1.1 YBhg. Dato' Ts. Dr. Pengerusi merakamkan ucapan terima kasih dan mengalu-alukan kehadiran Wakil Pengurusan dan Wakil Pekerja ke Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Kementerian Belia dan Sukan (KBS) Bilangan 1 Tahun 2025.
- 1.2 Mesyuarat mengambil maklum berhubung perkara-perkara berikut:
  - 1.2.1 Pengerusi mengalu-alukan kehadiran Puan Chan Hong Jin, Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik) KBS yang baharu menggantikan Puan Ramona binti Razali yang telah bertukar keluar. Mesyuarat turut merakamkan penghargaan kepada Puan Ramona binti Razali atas komitmen dan sumbangan yang diberikan dalam mesyuarat ini.
  - 1.2.2 Pengerusi memaklumkan bahawa tahun 2025 merupakan tahun terakhir Wakil Pekerja mewakili skim perkhidmatan masing-masing ke mesyuarat MBJ bagi tempoh dua tahun bermula tahun 2024 mengikut perlembagaan. Dalam hal ini, Wakil Pekerja perlu menyampaikan usul dan cadangan yang bernas dan terus memikul amanah yang diberikan demi memastikan kebajikan dan kemaslahatan warga KBS sentiasa diambil perhatian oleh pihak pengurusan.

- 1.2.3 Pengerusi turut menegaskan supaya semua Wakil Pengurusan dan Wakil Pekerja untuk terus komited hadir dalam memastikan MBJ dilaksanakan sepertimana ketetapan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) iaitu tiga kali setahun dapat dipenuhi.

**Makluman**

**2. PERUTUSAN PENERUSI PIHAK PEKERJA**

- 2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan perutusan Pengerusi Wakil Pekerja seperti berikut:

2.1.1 Merakamkan penghargaan kepada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) selaku urus setia MBJ atas penganjuran Mesyuarat MBJ Bil. 1 Tahun 2025 iaitu mesyuarat pertama pada tahun ini;

2.1.2 Merakamkan penghargaan kepada Pengurusan Tertinggi kerana sentiasa mengambil berat tentang hal ehwal kebajikan warga KBS dan sentiasa berusaha untuk mendengar dan menyelesaikan isu-isu yang berbangkit;

2.1.3 Memaklumkan berkenaan Garis Panduan Pelaksanaan Pandu Citra (*coaching*) dalam pengurusan manusia sektor awam yang merupakan salah satu pendekatan dalam pembangunan potensi dan seharusnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pegawai;

2.1.4 Mencadangkan Mesyuarat MBJ dianjurkan di Borneo untuk mendengar suara warga KBS di Sabah dan Sarawak bagi memastikan keseronokan bekerja; dan

2.1.5 Memohon kerjasama Wakil Pekerja dalam pembangunan portal MBJ dengan mengambil gambar di Unit Komunikasi Korporat (UKK) bagi yang masih belum selesai.

**Makluman**

**3. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT**

- 3.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) KBS Bilangan 3 Tahun 2024 bertarikh 12 Disember 2024 disahkan tanpa pindaan.

**Makluman**

#### 4. MAKLUM BALAS MINIT MESYUARAT MBJ KBS BILANGAN 3 TAHUN 2024

##### 4.1 Cadangan Mempamerkan Carta atau Senarai Wakil Pekerja Ahli MBJ, Perlembagaan MBJ Dan Maklumat Berkenaan Isu Serta Maklum Balas Dalam MBJ Kepada Warga KBS

4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Portal MBJ KBS sedang dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) dan dijangka dapat diakses pada awal bulan April 2025.

**Tindakan:**  
**Urus setia MBJ**

##### 4.2 Larangan Memakir Motorsikal di Kawasan Berhadapan/ Sekitar Lobi

4.2.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa Unit Keselamatan, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) akan mengeluarkan notis larangan meletak motosikal di laluan berkenaan dan pemantauan berkala oleh anggota RELA telah mula dilaksanakan.

**[SELESAI]**

**Makluman**

##### 4.3 Kursus bagi Skim Perkhidmatan Belia dan Sukan (S)

4.3.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. Jabatan Belia dan Sukan Negara (JBSN) telah menghantar senarai nama pencalonan Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred SSPA 9 – 15 untuk mengikuti kursus jangka pendek di bawah Program Pengurusan Strategik Dan Pembangunan Eksekutif Kompeten (PROSPEK) tahun 2025.
- ii. Pada tahun 2025, hanya dua sahaja kursus berkaitan kompetensi skim S diluluskan iaitu Kursus Outrec Tahap 2 dan Kursus Penguji Asas Keupayaan Sukan (Inspire I-Talent) (Zon Borneo) berdasarkan Pelan Operasi Latihan (POL) 2025 di bawah JBSN.
- iii. JBSN juga telah melaksanakan kursus secara dalaman antaranya Kursus Penerimaan Hasil, Kursus Perolehan dan Kursus Profesionalisme Kerja Belia.
- iv. Pada tahun 2024, pelbagai gred dan jawatan daripada Skim S telah mengikuti pelbagai kursus. Dalam hal ini, seramai enam

pegawai telah mengikuti kursus tajaan dalam dan luar negara, enam pegawai mengikuti kursus berbayar di dalam negara dan lima pegawai mengikuti kursus berbayar di luar negara.

- 4.3.2 Mesyuarat bersetuju kursus anjuran INTAN dan Razak School of Government (RSOG) turut dijadikan salah satu alternatif kepada pegawai skim S untuk mempelbagaikan kursus bagi pembangunan kemajuan kerjaya.

**[SELESAI]**

**Makluman**

#### **4.4 Kerisauan Pokok Tumbang di Sekitar Lobi KBS**

Mesyuarat mengambil maklum bahawa kerja-kerja pemangkasan pokok dijalankan secara rutin oleh pihak Perbadanan Putrajaya dan BKP telah melaksanakan pemantauan berkala terhadap pelaksanaan kerja-kerja tersebut.

**[SELESAI]**

**Makluman**

### **5. CADANGAN ISU/ USUL WAKIL PEKERJA MBJ KBS BILANGAN 1 TAHUN 2025**

#### **5.1 Kemudahan Tuntutan Elaun Lebih Masa oleh Pereka**

5.1.1 Mesyuarat mengambil maklum perkara-perkara berikut:

- i. usul memberi kemudahan kepada skim perkhidmatan Pereka, Gred B1 untuk membuat tuntutan elaun lebih masa (ELM) sekiranya melaksanakan tugas di rumah di luar waktu pejabat.
- ii. Berdasarkan peraturan semasa, pegawai yang diluluskan Bekerja Dari Rumah (BDR) tidak dibenarkan menuntut ELM dalam tempoh waktu BDR tersebut. Walau bagaimanapun, pegawai boleh dipertimbangkan ELM sekiranya melaksanakan kerja lebih masa di rumah pada Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dengan arahan Ketua Jabatan dan memenuhi syarat-syarat kerja lebih masa yang telah ditetapkan tertakluk kepada PB3.1 – Garis Panduan Kawalan Perbelanjaan Awam dan arahan Pegawai Pengawal dari semasa ke semasa.

- 5.1.2 Mesyuarat bersetuju skim perkhidmatan Pereka dibenarkan membuat tuntutan ELM selari dengan garis panduan PB 3.1 tersebut tertakluk dengan arahan kerja yang jelas beserta kelulusan Ketua Jabatan.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## **5.2 Bilangan Peranti Biometrik yang Terhad Di Lobi Menara KBS**

- 5.2.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan cadangan menambah bilangan peranti biometrik di lobi Menara KBS.
- 5.2.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa peranti biometrik di hadapan Bike & Beans Café sebelum ini ditanggalkan secara sementara untuk pelaksanaan kerja-kerja naik taraf lobi dan peranti tersebut telah selesai dipasang semula.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## **5.3 Cadangan Pegawai Menunggang Motosikal Mencarum Insurans PERKESO**

- 5.3.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan supaya pegawai yang menunggang motosikal pergi dan balik kerja mencarum insurans PERKESO.
- 5.3.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa penjawat awam dilindungi di bawah Skim Ex-Gratia Bencana Kerja setanding dengan Skim PERKESO tanpa perlu membuat caruman dan faedah hilang upaya diberikan di bawah undang-undang pencen selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 7 Tahun 2001 mengenai perkara ini.
- 5.3.3 Mesyuarat bersetuju supaya BKP menyelaras pembukaan *booth* oleh PERKESO, CUEPACS Care/ syarikat/ agensi yang berkaitan di lobi KBS untuk mempromosikan keistimewaan serta manfaat yang boleh diperolehi melalui pencaruman di syarikat/ agensi tersebut. Langkah ini diambil bagi meningkatkan kesedaran dan memberi peluang kepada warga KBS untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut berkenaan perkhidmatan yang ditawarkan terutamanya berkaitan

perlindungan diri.

**Tindakan:**  
**SUB(KP)**

#### **5.4 Larangan Meletak Kenderaan di Bahu Jalan**

- 5.4.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul berkenaan larangan meletak kenderaan di bahu jalan sekitar hadapan bangunan KBS pada waktu kemuncak iaitu semasa pulang bekerja antara 4.30 petang hingga 5.30 petang.
- 5.4.2 Mesyuarat bersetuju bahawa perkara ini disusuli oleh BKP dengan mengeluarkan notis larangan menghalang laluan tersebut pada waktu kemuncak dan pemantauan akan dilaksanakan oleh anggota RELA yang bertugas.

**[SELESAI]**

**Makluman**

#### **5.5 Pelaksanaan Pensijilan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKKM, KKM)**

- 5.5.1 Mesyuarat mengambil maklum akan perkara-perkara berikut:
- i. syarat baharu di dalam Garis Panduan Pelaksanaan Pensijilan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan, Kementerian Kesihatan Malaysia (PKKM, KKM) iaitu PKKM, KKM sebagai pra-syarat pembekalan makanan dalam perolehan Kerajaan oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang beralamat di Wilayah Persekutuan Putrajaya Dan Kuala Lumpur.
  - ii. permohonan sijil ini akan mengambil masa kerana pembekal/katerer perlu melalui audit atau panel pelulus sebelum kelulusan sijil diperolehi. Oleh yang demikian, untuk meletakkan sijil ini sebagai pra-syarat pembekalan makanan dalam perolehan Kerajaan dengan serta merta adalah kurang rasional.
- 5.5.2 Bahagian Kewangan (Bkew) telah menjelaskan bahawa perkara ini akan dilaksanakan secara rintis bagi tempoh 9 Januari 2025 hingga November 2025 sebelum dilaksanakan sepenuhnya selaras dengan surat rujukan MOF.BPK(S)600-1/5/19 Jld. 3 (25) bertarikh 9

Januari 2025.

- 5.5.3 Mesyuarat bersetuju perkara ini dipatuhi sepertimana garis panduan yang dikeluarkan memandangkan ini adalah merupakan keputusan dasar dan tidak sesuai dibincangkan dalam mesyuarat ini.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## **5.6 Perolehan Cetakan Kepala Surat Kementerian**

- 5.6.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan agar perolehan cetakan kepala surat Kementerian dilaksanakan sebagai salah satu usaha mengurangkan cetakan berwarna. Kepala surat merupakan cetakan yang paling kerap menggunakan cetakan berwarna dan sekiranya perolehan kepala surat dilaksanakan, ianya akan mengurangkan penggunaan mesin fotostat kerana pegawai boleh mengoptimumkan penggunaan mesin pencetak yang dibekalkan.
- 5.6.2 Mesyuarat dimaklumkan oleh BKP bahawa percetakan kepala surat lebih menjimatkan iaitu hanya melibatkan kos sebanyak RM0.57 sekeping berbanding sebanyak RM0.80 sekeping sekiranya dibekalkan secara perolehan. Perolehan cetakan kepala surat hanya dibekalkan kepada Pejabat YBM, YBTM, KSU, TKSU(S) dan TKSU(P), manakala templat khas telah disediakan untuk penyeragaman semua bahagian di Menara KBS.
- 5.6.3 Mesyuarat bersetuju dengan perbandingan kos yang diberikan dan BKP dimohon menyelaraskan dan mengedarkan templat khas cetakan kepala surat kepada semua warga KBS untuk keseragaman.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## **5.7 Permohonan Untuk Mengkaji Semula Had Maksimum Tuntutan Elaun Lebih Masa**

- 5.7.1 Mesyuarat mengambil maklum usul berkenaan permohonan untuk mengkaji semula had maksimum tuntutan elaun lebih masa (ELM) RM800.00 bagi pegawai yang terlibat mengendalikan/ memandu kenderaan jabatan yang tidak melibatkan pemandu kereta rasmi jawatan berdasarkan keputusan Pengurusan Tertinggi KBS dalam mengawal peruntukan perbelanjaan dan kesaksamaan pembayaran

ELM.

- 5.7.2 Mesyuarat menarik perhatian Ketua Jabatan agar merancang agihan pelaksanaan tugas dikalangan pegawai dan dilaksanakan mengikut waktu bekerja fleksibel bagi memastikan perbelanjaan mengikut peruntukan yang diluluskan.
- 5.7.3 Mesyuarat bersetuju bahawa pelaksanaan had maksimum ELM melalui pengemaskinian APK02 - Pentadbiran dan Akaun yang telah dibuat hebahan melalui e-mel pada 21 Januari 2025 diteruskan. Tuntutan ELM ini adalah terpakai kepada semua peringkat di Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan di bawah KBS mengambil kira kekangan peruntukan dan prinsip kesamarataan. Walau bagaimanapun, permohonan ELM melebihi had tersebut boleh dipertimbangkan dengan justifikasi kukuh oleh Ketua Jabatan mengikut situasi tertakluk kepada siling peruntukan tuntutan lebih masa yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF).

**[SELESAI]**

**Makluman**

## **5.8 Bantuan / Sumbangan Duit Raya kepada Pegawai Gred Rendah**

- 5.8.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul agar bantuan / sumbangan duit raya diberikan kepada pegawai gred rendah di Menara KBS seperti yang pernah dilaksanakan pada kepimpinan yang terdahulu.
- 5.8.2 Mesyuarat turut mengambil maklum bahawa di peringkat persekutuan, pemberian bantuan berbentuk kewangan kepada penjawat awam adalah tertakluk kepada keputusan Kerajaan/ Kementerian Kewangan. Di peringkat KBS, sumbangan Skim Wakalah Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) iaitu bantuan zakat diberikan melalui surau Al-Qawwiyy Al-Amin bagi penerima yang layak.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 5.9 Kursus Khas untuk Skim Perkhidmatan Pembantu Operasi

### 5.9.1 Mesyuarat mengambil maklum bahawa:

- i. usul agar BPSM mengadakan kursus khas untuk skim perkhidmatan Pembantu Operasi yang kini dikenali sebagai Pembantu Khidmat Am (PKA) bagi memastikan mutu perkhidmatan dapat ditingkatkan dari semasa ke semasa selari dengan perubahan dan pembaharuan skim perkhidmatan awam dalam SSPA; dan
- ii. BPSM telah memasukkan perancangan pelaksanaan kursus bagi skim perkhidmatan PKA dalam POL 2025.

### 5.9.2 Mesyuarat bersetuju agar kursus ini dilaksanakan, namun ianya masih tertakluk kepada peruntukan kewangan mengambil kira keutamaan kursus teras dan fungsian mengikut Jabatan/ Bahagian.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## 5.10 Tuntutan Caj Bulanan Bayaran Bil Telefon Bagi Setiausaha Pejabat

### 5.10.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul untuk menyemak kesesuaian pemberian tuntutan caj bulanan bayaran bil telefon bagi Setiausaha Pejabat seperti yang dilaksanakan di Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dan Kementerian Ekonomi (KE) berdasarkan perkara 4.5, Pekeliling WP2.2. Perkara ini juga telah diusulkan semasa perjumpaan KSU bersama skim perkhidmatan berkenaan pada 7 Januari 2025.

### 5.10.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa perkara ini telah diputuskan semasa Mesyuarat Pengurusan Tertinggi Bil. 2/ 2025 bertarikh 7 Februari 2025 yang bersetuju meluluskan tuntutan caj bulanan bayaran bil telefon sebanyak RM30.00 sebulan kepada Setiausaha Pejabat berkuat kuasa Mac 2025.

**[SELESAI]**

**Makluman**

#### 5.11 Pelaksanaan Kursus bagi Skim Perkhidmatan Setiausaha Pejabat

- 5.11.1 Mesyuarat mengambil maklum berkenaan kursus khusus untuk skim perkhidmatan Setiausaha Pejabat telah dimaklumkan akan diadakan setiap dua tahun sekali.
- 5.11.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa perancangan pelaksanaan kursus khusus untuk Setiausaha Pejabat ini telah dimasukkan dalam POL 2025, namun ianya masih tertakluk kepada peruntukan kewangan mengambil kira keutamaan kursus teras dan fungsian mengikut Jabatan/ Bahagian.

[SELESAI]

Makluman

#### 5.12 Sambutan Hari Setiausaha

- 5.12.1 Mesyuarat mengambil maklum akan usul untuk mengadakan sambutan Hari Setiausaha pada bulan April setiap tahun. Cadangan pengisian sambutan Hari Setiausaha ini antaranya adalah mengadakan jamuan *hi - tea* atau kursus/ seminar jangka pendek sebagai simbolik penghargaan kepada semua Setiausaha Pejabat di Kementerian ini.
- 5.12.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa pelaksanaan perkara ini telah diputuskan semasa Mesyuarat MBJ Bil. 2/2023 yang mana sambutan Hari Setiausaha akan dilaksanakan dengan kerjasama PUSPANITA. Hal ini mengambil kira penganjuran Hari Setiausaha yang bukan merupakan program rasmi Kementerian dan tidak sesuai menggunakan peruntukan di bawah KBS.

[SELESAI]

Makluman

#### 5.13 Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi Bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan (Ceraian UP.5.1.2)

- 5.13.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan agar BPSM membuat hebahan berkaitan Pemberian Insentif Berasaskan Prestasi (BIPs) bagi Pegawai Kumpulan Pelaksana Perkhidmatan Awam Persekutuan (Ceraian UP.5.1.2) termasuk tatacara serta panduan permohonan bagi yang layak.
- 5.13.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa BPSM dalam tindakan semakan

silang bagi mengenal pasti pegawai yang layak dalam urusan pemberian insentif ini. Hebahan juga akan dilaksanakan setelah Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia (Prestasi) bersidang bagi mengesah dan memperaku Markah LNPT Tahun 2024 yang akan diguna pakai bagi urusan BIPs kelak.

**[SELESAI]**

**Makluman**

## **6. HAL-HAL LAIN**

### **6.1 Insurans Perlindungan Diri Bagi Pengguna Kereta Saloon Kerajaan**

6.1.1 Wakil JBSN mencadangkan supaya Syarikat SPANCO Sdn. Bhd. (SPANCO) iaitu syarikat konsesi yang dilantik untuk membekalkan kereta saloon kepada Kerajaan Persekutuan menyediakan insurans perlindungan diri kepada pegawai yang terlibat kemalangan.

6.1.2 Mesyuarat dimaklumkan bahawa semua kereta saloon dilindungi oleh Polisi Insurans Kenderaan Komprehensif tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan dan perlindungan ini tidak termasuk pengguna kereta tersebut. Walau bagaimanapun, sekiranya berlaku kemalangan, pegawai awam boleh menuntut Skim Ex-Gratia Bencana Kerja di bawah Pekeliling Perbendaharaan WP6.3 yang telah dikeluarkan oleh pihak MOF.

**Makluman**

### **6.2 Tuntutan Caj Bulanan Bayaran Bil Telefon**

6.2.1 Wakil JBSN memohon pencerahan berkenaan kelayakan tuntutan bayaran bil telefon bagi Ketua Unit di Jabatan Belia dan Sukan peringkat negeri serta Pejabat Belia dan Sukan Daerah/ Bahagian terutamanya pegawai yang bukan dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional.

6.2.2 Mesyuarat bersetuju supaya pihak JBSN mengemukakan kertas permohonan berkenaan perkara ini untuk pertimbangan selanjutnya Pengurusan Tertinggi KBS.

**Tindakan:**  
**KP JBSN**

### 6.3 Tinjauan Keseronokan Bekerja

6.3.1 Mesyuarat mengambil maklum akan cadangan melaksanakan tinjauan untuk mengenal pasti tahap keseronokan bekerja warga KBS termasuk Jabatan/ Agensi selaras dengan Surat Edaran dan Garis Panduan Pembudayaan Keseronokan Bekerja Sektor Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 9 Disember 2024.

6.3.2 Mesyuarat bersetuju BPSM menyusul perkara ini.

**Tindakan:**  
**SUB (SM)**

### 6.4 Pusingan Kerja di JBSN

6.4.1 Mesyuarat dimaklumkan bahawa terdapat pegawai di JBSN yang tidak memohon untuk kenaikan pangkat secara *time-based* kerana bimbang dipindahkan ke penempatan yang baharu. Hal ini menyebabkan penempatan yang terlalu lama dan menyukarkan pusingan kerja di kalangan warga JBSN.

6.4.2 Mesyuarat bersetuju supaya pelaksanaan pusingan kerja tetap perlu dilaksanakan tanpa menunggu kenaikan pangkat selaras dengan Surat Edaran Pelaksanaan Urusan Pusingan Kerja yang dikeluarkan oleh JPA pada 14 Mei 2024.

**Tindakan:**  
**KP JBSN**

### 6.5 Cadangan Pelaksanaan Mesyuarat MBJ di Luar Kawasan Pejabat

6.5.1 Pengerusi bersetuju dengan cadangan wakil Pengerusi Pihak Pekerja untuk mengadakan mesyuarat MBJ di Borneo bagi mendengar suara warga KBS di Sabah dan Sarawak tertakluk kepada peruntukan kewangan sedia ada.


**Makluman**

## 7. PENANGGUHAN MESYUARAT

YBhg. Dato' Ts. Dr. mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.03 pagi.


### Makluman

Disediakan oleh:



.....  
(WAN MARDIANA BINTI ABDUL  
JALAL)

Setiausaha MBJ (Pihak Pegawai)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Kementerian Belia dan Sukan  
Tarikh: 4 Mac 2025



.....  
(WARAWIT A/L ETAM)  
Setiausaha MBJ (Pihak Pekerja)  
Bahagian Kewangan  
Kementerian Belia dan Sukan  
Tarikh: 4 Mac 2025

**LAMPIRAN A**

**KEHADIRAN MESYUARAT MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ)  
BILANGAN 1 TAHUN 2025 KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**Wakil Pihak Pegawai:**

1. **YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu** - Pengerusi  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Belia dan Sukan
2. **YBrs. Puan Chan Hong Jin**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik)  
Kementerian Belia dan Sukan
3. **YBrs. Encik Abdullah bin Hasan**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Belia dan Sukan
4. **Puan Dalila binti Sharingat**  
Pengarah Kemahiran  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
5. **Puan Rai'dah binti Mohd Yaman**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
6. **Encik Othman bin Abdullah**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Kewangan
7. **Encik Richard Barahim**  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Khidmat Pengurusan
8. **Puan Wan Mardiana binti Abdul Jalal** - Setiausaha Wakil  
Penolong Setiausaha Kanan Pihak Pegawai  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**Wakil Pihak Pekerja:**

9. **Ts. Dr. Loke Kok Foong** - Pengerusi Wakil  
Penolong Pengarah Kanan Pihak Pekerja  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
10. **Encik Warawit A/L Etam** - Setiausaha Wakil  
Penolong Setiausaha Pihak Pekerja  
Bahagian Kewangan
11. **Encik Shahrul Nizam bin Abu Bakar**  
Pegawai Hal Ehwal Islam  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
12. **Encik Kamarul Ariffin bin Abdul Rahman**  
Pegawai Penerangan  
Unit Komunikasi Korporat
13. **Encik Zainorkamarul Basahidin bin Saari**  
Penolong Pustakawan Kanan  
Bahagian Khidmat Pengurusan
14. **Puan Nor Asmalena binti Mahmud**  
Penolong Pegawai Latihan  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
15. **Puan Zuraida Suhartini binti Asiak**  
Setiausaha Pejabat  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
16. **Encik Mohd Zaiam Syah bin Abd Rashid**  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat  
Bahagian Pengurusan Maklumat
17. **Encik Muhamad Fahmi Ikwan bin Zahari Man** -  
Penolong Pegawai Tadbir  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
18. **Puan Norhaizura binti Sairan**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Bahagian Khidmat Pengurusan

19. **Encik Mohamad Halimi bin Jaafar**  
Pembantu Tadbir Kewangan  
Bahagian Kewangan
20. **Encik Che Anuar bin Che Weng**  
Pembantu Khidmat Am  
Pejabat Ketua Setiausaha
21. **Encik Muhammad Ashraf bin Abdullah**  
Pembantu Khidmat Am  
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (S)
22. **Encik Nor Muhammad Firdaus bin Alias**  
Pembantu Khidmat Am  
Pejabat Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

**Turut Hadir:**

23. **Encik Quek Yew Aun**  
Pegawai Khas kepada KSU  
Pejabat KSU
24. **Puan Suraya binti Sulaiman**  
Timbalan  
Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Sokongan  
Jabatan Belia dan Sukan Negara

**Urus Setia:**

25. **Puan Fareena Ihsan Mohd. Basri**  
Penolong Setiausaha Kanan  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
26. **Encik Muhammad Hafizi bin Sazeli**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

**Tidak Hadir Dengan Maaf:**

27. **Puan Azura binti Abidin**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Belia dan Sukan Negara

28. **Puan Noraini binti Mat Isa**  
Pegawai Latihan  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
29. **Puan Nur Amalina binti Holidi**  
Pegawai Belia dan Sukan  
Jabatan Belia dan Sukan Negara
30. **Encik Azizi Azran bin Abdullah**  
Penolong Pegawai Belia dan Sukan  
Sekretariat Industri Sukan
31. **Puan Nor Erney Salina binti Jahani**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
IKTBN Alor Gajah, Melaka
32. **Encik Mohd Suhaimi bin Mohd Daud**  
Penolong Pegawai Vokasional  
Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia
33. **Puan Rosmiza binti Che Azmi**  
Penolong Akauntan  
Bahagian Akaun
34. **Encik Amiluddin bin Mohamed Amin**  
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)  
IKTBN Chembong

